

1. **Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.**



Perselisihan faham antara Encik Tahir dengan Encik Masri akhirnya terlerai setelah kedua-duanya menyadari kesilapan masing-masing dan saling bermaafan.

- ☐ A betapa berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikulnya
- ☐ B carik-carik bulu ayam, akhirnya bercantum juga
- ☐ C berani kerana benar, takut kerana salah
- ☐ D buang yang keruh, ambil yang jernih

2. Berita Mak Munah mendapat pampasan daripada kilang plastik itu kerana anaknya kemalangan ketika bekerja telah menjadi _____ penduduk kampung.

- ☐ A buah tangan
- ☐ B buah mulut
- ☐ C buah hati
- ☐ D buta hati

3. Keluarga miskin itu terpaksa _____ kerana tiada wang untuk membeli barang-barang makanan.

- ☐ A ikat perut
- ☐ B alas perut
- ☐ C gulung tikar
- ☐ D goyang kaki

4. **Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.**

Hasrul hanya akan melakukan kerja-kerja itu apabila disuruh oleh majikannya.

- ☐ A seperti cincin dengan permata
- ☐ B seperti pahat dengan penukul
- ☐ C seperti hujan jatuh ke pasir
- ☐ D seperti ayam berak kapur

5. Puan Dibah mengemas rumahnya dengan pantas sekali. Keadaannya samalah _____.

- ☐ A seperti lipas kudung
- ☐ B seperti ikan kena tuba
- ☐ C bagai murai tercabut ekor
- ☐ D bagai kucing dibawakan lidi

6. Jurujual itu _____ untuk memujuk orang ramai agar membeli barangan yang dijual oleh syarikatnya.

- ☐ A ada udang di balik batu
- ☐ B indah khabar daripada rupa
- ☐ C pucuk dicita ulam mendatang
- ☐ D bertanam tebu di pinggir bibir

7. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Sikap Akmal yang suka berpoya-poya itu menyebabkan seluruh ahli keluarganya dicerca oleh penduduk kampung.

- ☐ A patah tumbuh hilang berganti
- ☐ B sekali air bah, sekali pantai berubah
- ☐ C orang mengantuk disorongkan bantal
- ☐ D sebab nila setitik rosak susu sebelanga

8. Saleha _____ untuk mengembangkan perniagaan kek lapisnya dari Sarawak ke Semenanjung Malaysia.

- ☐ A berhati waja
- ☐ B bulat kata
- ☐ C bulat hati
- ☐ D buta hati

9. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Nathan hendak meniru lagak orang kaya. Akhirnya, diri sendiri yang susah.

- ☐ A enggang sama enggang, pipit sama pipit
- ☐ B ada ubi ada batas, ada masa dapat balas
- ☐ C gajah berak besar, kancil pun hendak berak besar juga
- ☐ D jerat tak lupa akan pelanduk, tetapi pelanduk lupa akan jerat

10. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Pendirian kak long sering berubah-ubah dan dia tidak dapat membuat keputusan sama ada hendak melanjutkan pelajaran atau terus bekerja.

- ☐ A seperti ikan kena tuba
- ☐ B seperti lalang ditiup angin
- ☐ C seperti kaduk naik junjung
- ☐ D seperti melukut di tepi gantang

11. "Saya tidak boleh memberikan markah penuh kepada kamu kerana jawapan yang kamu berikan itu _____," kata Cikgu Ainida.

- ☐ A jauh panggang dari api
- ☐ B sedlakan payung sebelum hujan
- ☐ C takut akan bayang-bayang sendiri
- ☐ D jauh hari jua yang mengenal manikam

12. Datuk Khaleed bersikap merendah diri kepada para pekerjanya. Baginya _____.

- ☐ A kalau tiada angin, masakan pokok bergoyang
- ☐ B ular menyusur akar tidak akan hilang bisanya
- ☐ C sudah terhantuk baru tengadah
- ☐ D tiada rotan akar pun berguna

13. Kita haruslah menghargai jasa dan pengorbanan ibu bapa kita. Jika tidak kita akan d _____.

- ☐ A seperti harimau menyembunyikan kuku
- ☐ B laksana burung diam dalam sangkar
- ☐ C bagai kacang melupakan kulit
- ☐ D laksana katak diharung ular

14. Maksud peribahasa "orang lain yang makan nangka, orang lain yang kena getah" ialah _____.

- ☐ A orang lain yang melakukan kesalahan, orang lain yang kena tuduh
- ☐ B orang lain yang membeli baju, orang lain yang memakainya
- ☐ C orang lain yang belajar, orang lain yang mendapat ilmu
- ☐ D orang lain yang sakit, orang lain yang dapat nama

15. Mereka pasangan kembar yang mempunyai wajah yang seiras tetapi kelakuan mereka langsung tidak sama _____.

- ☐ A seperti lipas kudung
- ☐ B seperti langit dengan bumi
- ☐ C seperti kera mendapat bunga
- ☐ D seperti kerbau dicucuk hidung

16. Kita mestilah rajin menabung dan beringat-ingat ketika menggunakan duit supaya tidak menyesal kemudian hari, _____.

- ☐ A ingat sebelum kena, jimat sebelum habis
- ☐ B kals pagi makan pagi, kals petang makan petang
- ☐ C yang dikejar tak dapat, yang dikendong berciciran
- ☐ D kalau kail panjang sejengkal, lautan dalam jangan diduga

17. Pepatah "ada kerak adalah nasi" bermaksud _____.

- ☐ A setiap kejadian pasti ada kesannya
- ☐ B sengaja mencari susah sedangkan ada kemudahan
- ☐ C bagi orang yang mampu, semua keinginan mudah dicapai
- ☐ D orang yang suka mengurus hal orang lain tetapi mengabaikan hal keluarga sendiri

18. Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.

Tham Fook membuat kerja sekolahnya secara sambalewa. Malah, beberapa latihan Matematik tidak sempat dibuatnya kerana dia tertidur.

- ☐ A bagai kera mendapat bunga
- ☐ B bagai pahat dengan penukul
- ☐ C bagai melepaskan batuk di tangga
- ☐ D bagai mencurahkan air ke daun keladi

19. *Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.*

Ibu membeli pakaian yang mahal kerana percaya bahawa pakaian itu bermutu tinggi dan dapat dipakai lama.

- ☐ A belum duduk sudah berlunjur
- ☐ B alah membeli menang memakai
- ☐ C alang-alang mandi biarlah basah
- ☐ D jauhari juga yang mengenal manikam

20. *Pilih peribahasa yang paling sesuai berdasarkan pernyataan yang diberikan.*

Jumlah penduduk di Kuala Lumpur semakin meningkat kerana banyak peluang pekerjaan di situ.

- ☐ A ada rupa, ada harga
- ☐ B ada gula, ada semut
- ☐ C ada pasang surutnya
- ☐ D ada udang di balik batu